

BULETIN UTHM

Bil.7 Julai 2025 | ISSN 2232-0415



Program diploma UTHM terus jadi pilihan pelajar



**Global Technopreneur
University 2030**

BULETIN UTHM

Isi Kandungan

- 1 Program diploma UTHM terus jadi pilihan pelajar
- 3 Profesor Dr. Mas Fawzi Mohd Ali dilantik Naib Canselor UTHM yang baharu
- 4 UTHM pacu perubahan melalui Kursi UNESCO, fokus empat bidang utama transformasi TVET
- 6 UTHM dapat pengiktirafan 'Penganjur Paling Responsif' sempena Hari Penderma Darah Sedunia 2025
- 8 Penyelidik UTHM hasilkan produk penggalak tanaman organik, bantu jana pendapatan komuniti setempat
- 10 Tiga kakitangan UTHM jalani latihan pengujian di National Defense Academy, Jepun
- 12 Dua pelajar UTHM bawa pulang dua anugerah sempena Hari Air Sedunia 2025
- 14 30 pelajar sulung Program Teknologi Makanan UTHM peroleh Sijil Profesional Eksekutif Halal JAKIM
- 15 Terbitan Terkini

REDAKSI

EDITOR

Prof. Madya Ts. Dr. Elmy Johana Mohamad

WARTAWAN / PENYELARAS

Suriyati Baharom

GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak
Jaafar Muhammad

PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi juga mengalu-alukan berita dari semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang seterusnya. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

PENYELARAS BULETIN UTHM

Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



Program diploma UTHM terus jadi pilihan pelajar



PAGOH, 23 Julai 2025 – Program diploma yang ditawarkan oleh Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) terus menjadi pilihan pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran dalam bidang Sains, kejuruteraan serta Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Buktinya UTHM telah menerima kemasukan 773 pelajar baharu pada hari pertama pendaftaran yang berlangsung pada 20 Julai lalu.

Daripada jumlah tersebut, 456 orang terdiri daripada pelajar lelaki dan 317 lagi adalah pelajar perempuan.

Walau bagaimanapun, jumlah tersebut dijangka akan bertambah dari semasa ke semasa sehingga tamat tempoh pendaftaran.

Kemasukan pelajar baharu ke program pengajian Diploma bagi sesi akademik 2025/2026 meningkat sebanyak 7% berbanding tahun lalu dan ini menunjukkan trend positif terhadap minat dan keperluan berterusan bidang TVET di Malaysia.

Pendaftaran yang dibuat secara fizikal itu melibatkan tujuh kursus yang ditawarkan oleh UTHM iaitu Diploma Kejuruteraan Awam (155), Diploma Kejuruteraan Elektrik (160), Diploma Kejuruteraan Mekanikal (140), Diploma Teknologi Maklumat (156),

Diploma Teknologi Kejuruteraan Kimia (37), Diploma Sains Gunaan (59) dan Diploma Teknologi Animasi (66).

Kesemua pelajar baharu itu akan mengikuti sesi perkuliahan semester khas sesi 2025/2026 bermula 25 Julai ini secara bersemuka bertempat UTHM Kampus Cawangan Pagoh.

Terdahulu, mereka perlu mengikuti Minggu Haluan Siswa yang dijadual berlangsung selama lima hari bermula 20 sehingga 24 Julai ini.

Naib Canselor UTHM, Profesor Dr. Mas Fawzi Mohd Ali turut menyambut kedatangan para pelajar baharu dan ibu bapa ketika hari pertama pendaftaran berlangsung.

Turut serta menyantuni mereka, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Ts. Dr. Abdul Rasid Abdul Razzaq dan Provost UTHM Kampus Cawangan Pagoh, Profesor Dr. Afandi Ahmad.

Prof. Mas Fawzi mewakili universiti mengucapkan tahniah dan selamat datang kepada kesemua pelajar baharu tersebut.

Beliau berharap mereka dapat menggunakan peluang melanjutkan pengajian di UTHM ini dengan sebaik

mungkin sekali gus dapat menjadi kebanggaan kedua ibu bapa serta universiti.

“Belajarlah bersungguh-sungguh dan sentiasa tingkatkan keupayaan diri, dekatkan diri kepada Tuhan dengan solat pada waktunya dan berdoalah untuk diri sendiri dan orang lain.

“Walaupun sibuk dengan urusan pembelajaran, bergaullah dengan kawan-kawan dan masyarakat sekeliling serta amalkan sikap hormat menghormati bagi membentuk sebuah hubungan yang harmoni,” pesan beliau.

Untuk rekod, program diploma UTHM yang melibatkan tempoh masa pengajian selama dua tahun sembilan bulan itu mendapat pengiktirafan daripada Malaysian Qualifications Agency (MQA) dan Engineering Technology Accreditation Council (ETAC) serta mempunyai kebolehpasaran graduan yang tinggi.

Pelajar program diploma di UTHM mempunyai peluang yang tinggi untuk menyambung pengajian ke peringkat ijazah di universiti ini kerana CGPA yang diperlukan sekurang-kurangnya 2.5 sahaja dan tidak perlu bersaing dengan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), matrikulasi mahupun politeknik melalui permohonan Unit Pusat Universiti (UPU).

Selain itu, lebih 10 bantuan kebajikan telah disediakan oleh pihak universiti bagi membantu para pelajar yang memerlukan agar mereka dapat meneruskan pengajian dengan lancar.

UTHM akan terus berusaha menawarkan program-program TVET yang berorientasi industri dalam melahirkan modal insan berkemahiran tinggi sekali gus dapat membantu memenuhi agenda nasional.





Profesor Dr. Mas Fawzi Mohd Ali dilantik Naib Canselor UTHM yang baharu

BATU PAHAT, 14 Julai 2025 – Profesor Dr. Mas Fawzi Mohd Ali dilantik sebagai Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang baharu berkuatkuasa mulai 14 Julai 2025.

Pelantikan yang dibuat oleh Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abdul Kadir itu adalah bagi tempoh dua tahun iaitu sehingga 13 Julai 2027.

Beliau merupakan Profesor di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP), UTHM dan sebelum ini memegang jawatan sebagai Penolong Naib Canselor (Strategik dan Kualiti), bertanggungjawab dalam perancangan strategik, pengurusan risiko dan kualiti universiti.

Sebelum menyertai UTHM pada tahun 2004, beliau berkhidmat dalam sektor industri sebagai Jurutera Kalibrasi di Samsung Electronics Display Sdn. Bhd. dan Jurutera Industri di Sharp-Roxy Electronics Sdn. Bhd.

Pemegang Ijazah Doktor Kejuruteraan (Ph.D) bidang Earth and Life Environmental Engineering dari The

University of Tokushima, Jepun ini juga merupakan Penyelidik Utama di Centre for Energy and Industrial Environment Studies (CEIES) dan Penyelidik Bersekutu di Centre of Automotive and Powertrain Technology (CAPT).

Bidang kepakaran beliau merangkumi teknologi hijau, bahan api alternatif dan kawalan pembakaran.

Prof. Dr. Mas Fawzi juga terpilih sebagai Pengerusi Majlis Perancangan Strategik Universiti Awam (SPC) iaitu satu badan yang menjadi penyelaras utama dalam merangka, menyelaras dan memantau hala tuju strategik universiti awam di Malaysia.

Dengan pelantikan ini, UTHM berharap kepimpinan Prof. Dr. Mas Fawzi akan terus memperkukuh kecemerlangan universiti dalam bidang akademik, penyelidikan dan inovasi, serta memperluas jaringan kerjasama di peringkat nasional dan antarabangsa.



UTHM pacu perubahan melalui Kursi UNESCO, fokus empat bidang utama transformasi TVET

BATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah dianugerahkan Pemegang Kursi UNESCO dalam bidang Kompetensi Pendidik TVET dan Kemahiran Merentas Bidang Untuk Pembangunan Profesional, berkuat kuasa pada 30 Jun 2025 sehingga 30 Jun 2029.

Anugerah itu menjadikan UTHM tersenarai dalam kalangan universiti terkemuka dunia yang diberi mandat oleh UNESCO untuk memperkasa empat bidang utama iaitu bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), penyelidikan, inovasi dan kepimpinan pendidikan.

Pelantikan selama empat tahun itu meletakkan UTHM di barisan hadapan dalam membentuk masa depan pendidikan teknikal dan vokasional selaras dengan Strategi Jangka Sederhana UNESCO 2022–2029 serta Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Profesor Emeritus Dr. Jailani Md Yunos, tokoh ilmuwan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam bidang TVET telah dilantik sebagai ketua yang akan melaksanakan inisiatif tersebut.

Menurut Prof. Jailani, kursi itu bukan sekadar gelaran tetapi ia merupakan satu misi berteraskan

tiga objektif strategik utama iaitu pelaksanaan inisiatif secara menyeluruh dalam memperkasakan kemahiran merentas bidang, termasuk kesedaran keselamatan digital dan pengintegrasian etika dalam konteks TVET.

Selain itu, pemegang kursi itu juga bakal menerapkan kemahiran hijau dalam program latihan pendidik bagi memastikan mereka dilengkapi dengan pengetahuan dan prinsip kelestarian dalam amalan pengajaran mereka.

Ia juga berperanan membangunkan dan melaksanakan program holistik untuk memupuk kepelbagaian jantina, seterusnya menyemai budaya inklusif, kemajuan kerjaya dan kemahiran kepimpinan dalam kalangan pendidik dan pelajar TVET.

"Ketiga-tiga objektif ini menjadi panduan kepada agenda teras Kursi UNESCO dalam mentransformasikan TVET daripada model latihan konvensional kepada sebuah platform dinamik yang berteraskan inovasi, keterangkuman dan meningkatkan kerelevanan di peringkat global.

"Kursi ini akan berperanan sebagai pemangkin kepada penyelesaian berasaskan penyelidikan, kerjasama antarabangsa serta inisiatif pembangunan

keupayaan yang memberi manfaat kepada pendidik, institusi dan komuniti TVET secara menyeluruh," katanya.

Untuk rekod, Kursi UNESCO yang mula ditubuhkan pada tahun 1992 itu mempunyai lebih 950 kursi di lebih 120 negara, yang berperanan menyumbang kepada kemajuan ilmu dalam bidang pendidikan, sains dan budaya.

Di Malaysia, UTHM menyertai kelompok institusi ternama lain seperti Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Asia Pacific University (APU) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang memegang kursi dalam pelbagai bidang antaranya pengajian masa depan, genetik, komunikasi antara budaya dan infrastruktur air lestari.

Dalam konteks tersebut, Kursi UNESCO @ UTHM akan memberi tumpuan kepada beberapa bidang iaitu TVET Hijau dan Kemahiran Lestari, TVET Inklusif dengan fokus kepada gender, etika dan pembangunan institusi, Digitalisasi TVET dan Pembangunan Kemahiran Merentas Bidang.

Melalui pelantikan itu, UTHM terus komited dalam mentransformasikan bidang TVET melalui inovasi, kesaksamaan dan kerjasama global.

Penganjuran Kursi UNESCO dalam Kompetensi Pendidik TVET dan Kemahiran Merentas Bidang Untuk Pembangunan Profesional itu merupakan satu pencapaian strategik dalam membentuk pendidikan masa hadapan yang cemerlang, beretika dan berdaya saing di pentas antarabangsa.





UTHM dapat pengiktirafan 'Penganjur Paling Responsif' sempena Hari Penderma Darah Sedunia 2025

BATU PAHAT, 1 Julai 2025 - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Kolej Kediaman Kampus Pagoh (KKKP) sekali lagi mencipta sejarah apabila menerima penghargaan sebagai 'Penganjur Paling Responsif' sempena sambutan Hari Penderma Darah Sedunia 2025 Peringkat Negeri Johor.

Pengiktirafan tersebut disampaikan oleh Pengarah Kesihatan Negeri Johor, Dr. Mohtar Pungut @ Hj. Ahmad dalam satu majlis yang berlangsung di Dewan Tunku Ibrahim Ismail, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan, Kluang, Johor.

Penghargaan itu diberikan atas kejayaan UTHM menganjurkan kempen derma darah secara konsisten, sekali gus berjaya mencatatkan jumlah penyertaan penderma dan jumlah beg darah yang memberangsangkan di negeri Johor.

KKKP bukan sahaja berjaya menggerakkan sukarelawan dalam kalangan mahasiswa, malah

turut berjaya mengumpulkan lebih 600 beg darah sepanjang tempoh program dijalankan.

Menurut penasihat program, Dr. Mohd Faisal Hushim pencapaian itu hasil komitmen kukuh antara pihak pengurusan kolej, pelajar, sukarelawan dan agensi kesihatan Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar.

"Kami amat menghargai pengiktirafan ini yang membuktikan kesungguhan UTHM dalam menggerakkan warga kampus dan masyarakat setempat untuk tujuan kebajikan dan kemanusiaan," katanya.

Untuk rekod, pengiktirafan itu bukanlah yang pertama bagi KKKP kerana sebelum ini mereka pernah menerima beberapa anugerah di peringkat negeri dan juga kebangsaan.

Pengiktirafan tersebut termasuklah Penganjur Kempen Derma Darah Paling Komited bagi tahun

2022 dan 2023, Penganjur Kempen Derma Darah Paling Komited/Responsif serta Kempen Derma Darah dengan Kutipan Tertinggi pada tahun 2022.

KKKP juga aktif dalam pelaksanaan pelbagai aktiviti kebajikan, kesihatan dan kesukarelawan, menjadikannya antara entiti yang sentiasa menjadi rujukan dalam pembangunan sahsiah pelajar secara holistik.

Tambah Dr. Mohd Faisal, pihak KKKP akan terus memperkasakan budaya prihatin dan tanggungjawab sosial dalam kalanganarganya.

"Dengan pengiktirafan sebagai Penganjur Paling Responsif, kolej kediaman ini berharap dapat menjadi pemangkin kepada lebih banyak kempen kesihatan dan kebajikan pada masa akan datang," katanya.





Penyelidik UTHM hasilkan produk penggalak tanaman organik, bantu jana pendapatan komuniti setempat

Dr. Muhamad Helmy Sabtu, Dr. Nurul Aimi Razali, Dr. Ahmad Faris Naqiyuddin Mohd

BATU PAHAT, 1 Julai 2025 - Penyelidik Jabatan Sains Sosial, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya menghasilkan sebanyak 210 unit produk penggalak tanaman organik bagi membantu komuniti setempat menjana pendapatan.

Produk yang dinamakan 'BootaniBoost' merupakan produk penggalak tumbuhan yang dihasilkan secara semula jadi dengan menggunakan teknologi efektif mikroorganisma bertujuan untuk membantu para petani dan pekebun kecil untuk menggandakan hasil tanaman serta meningkatkan daya tahan tanaman dari penyakit.

Produk tersebut mampu mempercepatkan pertumbuhan tanaman sebanyak 30 peratus berbanding biasa serta sesuai digunakan untuk semua jenis tanaman termasuklah sayur-sayuran, buah-buahan, herba atau tanaman hiasan.

Produk itu merupakan salah satu inisiatif yang dirancang oleh PPUK di bawah Program Pembangunan Komuniti Agro Usahawan Desa atau 'Agropreneur Madani' bersama kampung angkat UTHM.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Ts. Dr. Abdul Rasid Abdul Razzaq yang juga Menjalankan Fungsi Naib Canselor UTHM hadir merasmikan program Agropreneur Madani yang diadakan pada 29 Jun 2025.

Terdahulu, program tersebut telah diadakan melibatkan tiga fasa iaitu bermula pada 30 Mei,

diikuti fasa kedua pada 5 Jun serta fasa ketiga pada 28 dan 29 Jun 2025.

Seramai 26 penduduk komuniti telah terpilih untuk mengikuti program yang antara lainnya bertujuan untuk memberikan latihan penghasilan produk inovasi kepada para peserta.

Mereka bukan sahaja diajar menghasilkan dan membungkus produk, malah turut diberikan latihan berkaitan kaedah jualan dan pemasaran yang efektif.

Sementara itu, Ketua Komuniti Madani Parit Jelutong, Zaili Saiman menzahirkan rasa terima kasih kepada UTHM kerana penganjuran program berkenaan telah memberikan manfaat yang besar kepada penduduk setempat.

"Selain galakan terhadap inovasi, para peserta juga dilatih untuk menjadi usahawan menerusi penjualan produk BootaniBoost serta produk tanaman sayur-sayuran organik.

"Secara tidak langsung, program ini telah membantu menjana pendapatan penduduk kampung," katanya.

Program Agropreneur Madani turut mendapat kerjasama daripada Ahli Parlimen Sri Gading, YB Aminolhuda Hassan, Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat (ICRC), Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Parit Jelutong, Sekolah Kebangsaan Jelutong serta Pejabat Pertanian Daerah Batu Pahat.





Tiga kakitangan UTHM jalani latihan pengujian di National Defense Academy, Jepun

YOKOSUKA – Tiga kakitangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dari Pusat Penyelidikan EMCenter, Institut Kejuruteraan Integrasi (I2E) dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) telah berjaya menjalani latihan intensif selama empat hari di National Defense Academy (NDA), Jepun pada 1 hingga 4 Julai 2025 lalu.

Delegasi UTHM yang diketuai oleh Prof. Ir. Dr. Fauziahanim Che Seman itu disertai oleh Miskiah Muhamad Ihsan, M. Nazeri Sarmijan dan Mohd Rostam Anuar.

Kakitangan bahagian teknikal itu diberi pendedahan eksklusif berkaitan kaedah pengujian menggunakan peralatan radio frekuensi (RF) berteknologi tinggi merangkumi spektrum frekuensi dari 10 MHz hingga 110 GHz.

Antara fasiliti utama yang digunakan termasuklah Ruang Gelombang Mikro (10 MHz–26.5 GHz), Ruang Gelombang Milimeter (4 GHz–110 GHz) dan Julat Pengukuran Antena Padat (Compact Antenna Measurement Range - CAMR).

Mereka turut diberi tunjuk ajar berkaitan aspek kalibrasi peralatan, penyediaan jig dan pelaksanaan pengujian ke atas prototaip penyelidikan seperti antenna MIMO dan reflectarray.

Latihan itu turut melibatkan pengujian ke atas prototaip yang dibangunkan melalui kerjasama

penyelidik dari UTHM, Universiti Teknikal Melaka (UTeM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Menariknya, program latihan yang dianggarkan bernilai ¥250,000 (sekitar RM7,500) itu telah ditawarkan secara percuma hasil jalinan kerjasama strategik antara UTHM dan rakan akademik di Jepun.

Menurut Prof. Fauziahanim, latihan itu merupakan kemuncak kepada tiga siri latihan teknikal yang dirancang bersama Prof. Yoshihide Yamada, Prof. Naobumi Michishita dan Dr. Hiroshi Hashiguchi melalui platform Malaysia-Japan Institute of Technology (MJIIT), UTM Kuala Lumpur serta siri bengkel Malaysia-Japan Workshop on Radio Technology (WJWRT) 2024.


Selain kemahiran teknikal, peserta turut diberi pendedahan kepada budaya kerja Jepun yang terkenal dengan amalan menepati masa, disiplin yang tinggi dan sistematik.

“Pengalaman bekerja bersama warga akademik NDA membuka ruang untuk memahami amalan kerja berpasukan yang unggul, pematuhan keselamatan makmal yang menyeluruh dan pengurusan dokumentasi yang teratur.

“Nilai-nilai ini bukan sahaja memperkukuh etika kerja profesional, malah memberi inspirasi untuk diterapkan dalam sistem kerja dan penyelidikan di UTHM,” katanya.

Latihan itu bukan sahaja meningkatkan kecekapan teknikal staf sokongan penyelidikan, malah mengukuhkan lagi hubungan kerjasama antarabangsa dalam bidang teknologi gelombang dan pengujian lanjutan.

Inisiatif itu selaras dengan aspirasi UTHM sebagai universiti teknikal yang berdaya saing global dan peneraju dalam penyelidikan komunikasi dan kejuruteraan frekuensi tinggi.





Dua pelajar UTHM bawa pulang dua anugerah sempena Hari Air Sedunia 2025

Oleh Prof. Madya Ir. Dr. Siti Nazahiyah Rahmat, Prof Madya Ir. Dr. Mohd Adib Mohammad Razi

KUANTAN – Dua pelajar Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya meraih anugerah emas dan perak ketika berlangsungnya Sambutan Hari Air Sedunia Peringkat Kebangsaan 2025 yang diadakan di Kuantan, Pahang.

Pelajar tahun akhir, Eizz Abdul Salam Muhammad Munawar telah dinobatkan sebagai penerima 'Anugerah Pembangunan Sektor Air – Anugerah Emas (kategori Ijazah Sarjana Muda)' setelah mempertaruhkan kajiannya bertajuk '*Development of Intensity-Duration-Frequency (IDF) Curves Incorporating Climate Change Projections for Pintu Kawalan Tg Agas Station, Muar.*'

Beliau membawa pulang hadiah berupa wang tunai bernilai RM750 beserta plak penghargaan.

Menurut penyeliaanya, Prof. Madya Ir Dr Siti Nazahiyah Rahmat, lengkung IDF dibangunkan bertujuan untuk menyediakan panduan teknikal bagi reka bentuk sistem saliran, perparitan dan infrastruktur hidraulik yang bersesuaian dengan corak hujan tempatan.

Tambah beliau, kajian itu memberi tumpuan kepada pengemaskinian lengkung IDF menggunakan unjuran iklim masa hadapan, sejajar dengan peningkatan kejadian hujan lebat melampau di rantau Asia Tenggara.

"Memandangkan topik ini amat signifikan dan tepat pada masanya, saya berharap lengkung IDF yang dikemas kini dapat digunakan secara langsung dalam dasar dan perancangan, termasuk penyemakan semula protokol reka bentuk sistem saliran, serta pelaksanaan zon penampakan dan pengurusan banjir bandar yang lebih efisien, berpandukan pola hujan terkini.

"Langkah-langkah ini penting bagi memastikan infrastruktur masa hadapan lebih adaptif terhadap perubahan iklim, sekali gus membantu mengurangkan risiko bencana di kawasan bandar dan luar bandar," katanya.

Sementara itu, Nuradila Mohd Ahmad pula menerima 'Anugerah Perak' bagi kategori yang sama melalui kajiannya yang bertajuk '*River Sedimentation Transport in Sungai Rompin Pahang*' yang

menumpukan kepada simulasi proses pengangkutan dan pemendapan sedimen di Sungai Rompin, Pahang dengan menggunakan perisian HEC-RAS.

Kajian itu bertujuan membantu mengenal pasti kawasan berisiko tinggi terhadap masalah hakisan dan banjir.

Menurut penyeliaanya, Prof Madya Ir. Dr. Mohd Adib Mohammad Razi kajian itu memberi tumpuan kepada analisis mendalam terhadap ciri-ciri sedimen serta perubahan morfologi dasar sungai akibat aktiviti antropogenik seperti pembalakan, pertanian dan perbandaran yang tidak terkawal.

Beliau turut mencadangkan agar strategi mitigasi jangka pendek seperti kerja-kerja pengerukan (dredging) dan langkah jangka panjang seperti pembinaan zon penampan bervegetasi serta pemasangan *fiber roll* dapat dilaksanakan secara menyeluruh.

"Pendekatan dua hala ini bukan sahaja membantu mengekang pemendapan sedimen secara

berlebihan, malah dapat menstabilkan tebing sungai dan meningkatkan kualiti air secara berterusan.

"Kajian ini penting dalam menyokong usaha pihak berkuasa tempatan dan agensi berkaitan untuk membangunkan pelan pengurusan sungai yang lebih mampan, serta memperkukuh sistem hidraulik dan perparitan di kawasan terjejas.

"Di samping itu, dapatan kajian juga boleh dijadikan rujukan teknikal bagi penyelidikan lanjutan berkaitan hakisan tebing sungai dan perubahan geomorfologi akibat perubahan iklim dan pembangunan pesat," tambah beliau.

Kejayaan seumpama itu bukan sahaja mencerminkan dedikasi dan kepakaran para pensyarah FKAAB dalam membimbing pelajar, malah turut mengukuhkan reputasi UTHM sebagai institusi yang melahirkan graduan cemerlang dalam bidang kejuruteraan air.





30 pelajar sulung Program Teknologi Makanan UTHM peroleh Sijil Profesional Eksekutif Halal JAKIM

Oleh Prof. Madya ChM. Dr. Norhayati Muhammad

PAGOH – Seramai 30 pelajar sulung program Ijazah Sarjana Muda Sains (Teknologi Makanan), Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya memperoleh sijil masing-masing setelah menyertai Kursus Pensijilan Profesional Eksekutif Halal JAKIM pada 16 hingga 18 dan 21 hingga 24 Julai 2025 lalu bertempat di UTHM Kampus Cawangan Pagoh.

Kursus pensijilan tersebut merupakan anjuran FAST dengan kerjasama UTHM Bitara dan Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (ISWAJ) iaitu sebuah Pusat Latihan Halal (PLH) berdaftar di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Program tersebut diadakan bertujuan melengkapkan pelajar dengan kemahiran profesional 'Eksekutif Halal' sebagai nilai tambah yang relevan dengan keperluan industri halal, sekali gus meningkatkan peluang penempatan industri serta prospek kerjaya pada masa hadapan.

Sepanjang tujuh hari program berlangsung, para peserta mengikuti pelbagai pengisian teori dan praktikal, diakhiri dengan penilaian bagi setiap modul.

Menurut salah seorang peserta, Muhammad Nur Syazwan Samsudin, salah satu latihan praktikal untuk pengisian Modul Audit Dalam Halal, yang melibatkan tiga premis makanan di Kampus Cawangan Pagoh, merupakan pengalaman yang amat berharga.

"Latihan itu berupaya memberi peluang kepada pelajar untuk melaksanakan audit di premis sebenar, sekali gus mengukuhkan ilmu yang dipelajari di bilik kuliah," katanya.

Program itu digerakkan oleh Tenaga Pengajar Halal (TPH) yang diiktiraf JAKIM terdiri daripada Dr. Haji Muhammad Suhaimi Datuk Haji Sulong, Profesor Madya Ts. Dr. Norazlin Abdullah, Prof. Madya Ts. Dr. Faridah Kormin, Dr. Fazleen Izzany Abu Bakar, Dr. Nur Hafizah Malik dan Dr. Wan Ainaa Mardhiah Wan Zahari.

Sementara itu, Profesor Madya ChM. Dr. Norhayati Muhammad, yang juga sebagai TPH, para peserta menunjukkan komitmen tinggi serta kerjasama yang baik sepanjang kursus berlangsung.

"Lebih manis lagi mereka berjaya menamatkan penilaian teori dan praktikal dengan cemerlang," ujarnya.

Penulis dan Penulis Bersama:

Prof. Madya ChM. Dr. Norhayati binti Muhammad


Dr. Hj. Muhammad Suhaimi bin Datuk Hj Sulong

Dr. Nur Hafizah binti Malik

Dr. Fazleen Izzany binti Abu Bakar

Prof. Madya Ts Dr Norazlin binti Abdullah

Terbitan Terkini




TALES OF SOILS: GET YOUR HANDS DIRTY, BUT MAKE YOURSELF BRAINY

Chiam Jing Tong; Danieal Zita; Muhammad Faqree Aiman Mahtar; Chee-Ming Chan; Salina Sani; Tuan Noor Hasanah Tuan Ismail

978-629-490-187-2

Tales of Soils: Get Your Hands Dirty, but Make Yourself Brainy is a compilation of personal, heartwarming stories of self-discovery, learning and growth of student hailing from the SOIL Class, Semester 2 Session 2023/2024. The essays are arranged by sections: It starts with individual aspirations written at the beginning of the semester, followed by a collective group essay as closure at semester end. The stories tell of anxiety for the uncharted waters, worry for the unknown new knowledge base and excitement for the adventure in store, then threads through to the group reflections coming out of the journey after overcoming SOIL perils, EARTH ambush, and GROUND booby traps. We especially hope that future SOIL students would enjoy the book, and find something worthy to take with them on the earthy learning adventure. Happy reading




PH.D UNTUK PART-TIMERS

Mohammad Ahrab Rahman

Mariah Awang

978-629-490-192-6

Ph.D untuk Part-Timers: Buat Separuh Masa, Bukan Buat Separuh Jalan, Buat Dengan Sepenuh Jiwa adalah panduan santai yang ditulis khas buat anda yang sedang mengejar Ph.D sambil mengimbangi kerjaya, keluarga dan komitmen hidup yang lain. Buku ini menawarkan tips praktikal, strategi bijak serta motivasi untuk membantu anda melangkah dari permulaan hingga tamat dengan jayanya. Sama ada anda sedang berdepan dengan cabaran penyelidikan, menulis tesis atau menghadapi viva, buku ini akan menemani anda di setiap langkah. Jangan buat separuh jalan, buatlah dengan sepenuh jiwa dan capai impian Ph.D anda!



The Weightiness of a Blank

Iman Mirza

978-629-490-110-0

Sometimes the heart breaks and cries; sometimes the heart mends and reposes; at times the heart goes cold in bewilderment; thank God most of the time the heart keeps warm and carries on.

30 poems written over 2 cycles of Ramadhan: Unwinding the heart's musical box and projecting imagery from dancing words. Without the faintest idea of dramatization and sensationalisation, speaking truths as truths reflect themselves in the most unbiased mirror called conscience: A blank space open for interpretation.

Would you care to spare 30 minutes to fill this BLANK?

